

14 APR 2001

IKS-Latihan

IKS PERLU MEMBERI PELUANG KEPADA PEKERJA JALANI LATIHAN

PULAU PINANG, 14 April (Bernama) -- Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) menyarankan syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merebut peluang kelembapan ekonomi yang dialami oleh sektor industri itu ketika ini dengan melatih pekerja mereka dalam pelbagai kemahiran bagi meningkatkan kualiti dan daya saing.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) NPC Nik Zainiah Nik Abdul Rahman berkata latihan seperti penyelidikan, pemasaran dan pembungkusan perlu bagi meningkatkan persekitaran yang kondusif dan menyemai kesedaran bahawa kualiti adalah elemen penting dalam persaingan untuk kemajuan perniagaan dan industri.

Katanya keutamaan latihan itu perlu diberikan kepada pekerja tempatan berbanding pekerja asing kerana mereka akan pulang ke negara masing-masing setelah tamat kontrak pekerjaan.

"Pekerja yang diberi peluang untuk menjalani latihan tidak akan berpindah untuk mencari pekerjaan lain dan dapat berkongsi informasi, ini sekaligus dapat menjimatkan kos produktiviti dan pekerja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar dan Bengkel Anugerah Pengurusan Kualiti Cemerlang 2001 di sini hari ini.

Beliau berkata melalui pendekatan itu, IKS dapat memajukan perniagaan masing-masing setelah mempunyai tenaga pekerja yang mahir dalam bidang-bidang berkenaan dan corak kerja yang lebih berdaya saing.

Nik Zainiah berkata mereka juga mampu bersaing dengan syarikat multinasional selain syarikat IKS dari negara jiran terutama Singapura yang mempunyai tahap pertumbuhan produktiviti sebanyak 11.7 peratus berbanding 5.2 peratus di Malaysia.

Katanya peruntukan yang dikeluarkan syarikat (IKS) untuk melatih pekerja mereka bukan merugikan sebaliknya ia merupakan satu keperluan dalam meningkatkan produktiviti dan kemahiran dalam perniagaan yang diceburi.

Ketika berucap pada majlis itu, Nik Zainiah berkata paras produktiviti Malaysia tumbuh daripada 13.25 peratus pada 1999 kepada 18.8 peratus pada 2000.

"Ini adalah hasil program berkesan yang dijalankan oleh kerajaan dan swasta dalam memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi perniagaan dan industri yang kompetitif," katanya.

Katanya pencapaian produktiviti Malaysia adalah US\$9,090 pada 1999, 2.3 kali lebih tinggi daripada Thailand, 4.7 kali lebih tinggi daripada Filipina dan 5.1 kali lebih besar daripada Indonesia.

Nik Zainiah bagaimanapun berkata tahap produktiviti di Singapura pula adalah 4.1 kali lebih tinggi daripada Malaysia manakala Taiwan dan Korea masing-masing adalah 3.3 dan 2.4 kali lebih tinggi dari Malaysia.

"Bagi membolehkan negara merapatkan jurang ini, industri perlu menjana lebih banyak aktiviti yang mempunyai nilai tambah, memberi motivasi dan melatih pekerja, membeli teknologi dan produk pembangunan baru," katanya.

-- BERNAMA

NER LAT